KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28.06.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	-			

Dataran Denai Sungai Serting tarikan terbaharu Jempol



SHAMSULKAHAR (dua dari kanan) menanam pokok sebagai simbolik perasmian majlis, semalam.

Jempol: Tarikan pelancongan terbaharu Dataran Denai Sungai Serting di Kampung Datok Johan di sini, dibangunkan sebagai kawasan rekreasi dan riadah berkonsepkan alam sekitar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Serting, Datuk Shamsulkahar Mohd Deli berkata, laluan denai empat kilometer di sepanjang sungai dijadikan sebagai lokasi riadah selain tempat perkhemahan.

Katanya, pelbagai kemudahan infrastruktur dibina di Dataran Denai berkenaan, sekali gus membolehkan lebih ramai pengunjung datang bersama ahli keluarga.

"Kita bekerjasama dengan pelbagai pihak antaranya Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menjayakan setiap program dianjurkan.

"Kerjasama ini antara usaha memastikan masyarakat sama-sama menjaga alam sekitar sambil melakukan aktiviti riadah," katanya pada program Sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri Sembilan di Dataran Denai di sini, semalam.

Kita akan bekerjasama dengan pelbagai pihak antaranya Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menjayakan setiap program yang dianjurkan"

Shamsulkahar

Hadir sama Pengarah JAS Negeri Sembilan Azuri Azizah Saedon dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Datok Johan, Mohd Fauzi Zakaria.

Shamshulkahar berkata, pihaknya berharap denai Sungai Serting yang diwujudkan ini menjadi sebahagian daripada Program Denai Sungai Kebangsaan yang dilaksanakan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).